

# *al-ʿAqīdah al-Wuṣṭā*

Karangan:

al-Shaykh al-Imām Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin Yūsuf al-  
Sanūsī al-Ḥasanī  
(m. 895H)

Tahkik:

Nizār Ḥammādī

Penterjemah:

M. Ayman al-Akiti

Penyunting Terjemahan:

Zainul Abidin bin Abdul Halim

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Penyayang.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta sahabat baginda SAW.

Telah berkata al-Shaykh al-Imām al-‘Ālim al-‘Allāmah Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī RH

Segala puji-pujian bagi Allah, pemelihara sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhamamd SAW, penutup para nabi dan penghulu sekalian rasul, sahabat-sahabat baginda dan pengikut yang istiqamah menuruti baginda SAW hingga ke hari kiamat.

Setelah *basmalah*, selawat, dan salam; maka ini adalah merupakan kumpulan ayat-ayat ringkas yang mengeluarkan seorang mukalaf dengan memahaminya –Dengan kehendak Allah SWT– daripada taklid yang masih terjadi khilaf pada iman orang tersebut, menuju kepada pemerhatian yang sah yang telah disepakati (kebenarannya) terhadap iman orang tersebut.

Oleh yang demikian, pertama hendaklah kamu ketahui bahawasanya hukum aqli itu terbahagi ia kepada tiga pembahagian: *wujūb* (wajib), *Jawāz* (harus), dan *Istihālah* (mustahil). Berlandaskan kepada tiga pembahagian inilah berkisarnya perbahasan ilmu kalam secara keseluruhan.

Maka **wajib** adalah perkara yang tidak dapat dirupakan pada akal akan ketiadaannya, seperti penetapan dimensi bagi sesuatu *janbar* (atom).

**Mustahil** adalah perkara yang tidak dapat dirupakan pada akal akan kewujudannya, seperti sunyinya jirim misalnya daripada pergerakan dan diam.

**Harus** adalah perkara yang sah pada akal kewujudannya dan ketiadaannya, seperti kematian salah seorang daripada kita pada hari ini atau esok.

## Bab

### Baharunya Alam dan Penunjukkan Bukti-buktinya yang Kukuh

Jika kamu sudah mengetahui akan perkara ini, maka perkara pertama yang perlu dibuat di dalam *naẓar* (pemerhatian) adalah *naẓar* (memerhati) ke atas baharunya alam ini; dan alam itu adalah segala sesuatu yang selain Allah SWT. Maka jika kamu lihat pada alam ini nescaya kamu akan dapati semuanya itu adalah jirim-jirim yang dilazimi oleh *a‘rāḍ* (sifat-sifat baru) seperti gerak, diam dan selain daripada keduanya. Maka katakan bukti baharunya alam ini: Kalaulah sesuatu jirim daripada jirim-jirim alam ini seperti langit dan bumi misalnya wujud pada azali, maka ada kebarangkalian ditentukan segala jirim itu pada azali untuk bergerak atau diam atau tidak bergerak dan tidak juga diam. Maka tiga pembahagian ini mustahil berlaku ke atas jirim pada azali. Maka wujudnya jirim pada azali itu adalah mustahil; kerana tidak masuk akal akan wujudnya jirim yang terlepas daripada tiga bahagian tadi.

Adapun penjelasan kemustahilan pembahagian yang ketiga (tidak bergerak dan tidak juga diam) ini adalah jelas; kerana tidak masuk akal jirim yang ada pada azali dan yang tidak wujud lagi adalah tidak sabit pada satu tempat dan tidak juga berpindah daripada tempatnya.

Adapun penjelasan bagi kemustahilan pembahagian kedua; iaitu diamnya jirim pada waktu azali, maka secara umumnya kalau dihukumi begitu, maka tidak akan jirim tersebut menerima gerak selamanya, kerana diamnya jirim itu berdasarkan ketetapan ini adalah *qadīm*. Sedangkan *qadīm* pula tidak menerima sifat *‘adam* (tidak wujud); kerana jika ia menerima sifat *‘adam*, nescaya kewujudannya berkehendak kepada yang menjadikan, disebabkan hukum *jawāz* (harus) kewujudannya ketika ini. Maka

jadilah ia baharu, sedangkan tadi ditetapkan sifat jirim itu *qadīm*. Maka hal ini sudah jelas berlawanan, dan tidak masuk akal fikiran.

Dalil bahawa keadaan diam boleh menerima sifat *‘adam* adalah kita dapat menyaksikan bergeraknya beberapa jirim, hal ini memberi hukum keharus bergerak bagi semua jirim kerana semuanya sama-sama jenis jisim.

Adapun penjelasan bagi kemustahilan bahagian pertama pula; iaitu keadaan jirim tersebut yang bergerak pada azali, adalah seperti pandangan yang anda telah ketahui sekarang pada pembahasan kemustahilan pembahagian kedua, Ditambah lagi pada pembahagian ini dengan sudut pandang yang berbeza mengenai kemustahilannya; iaitu hakikat pergerakan itu tidak mungkin bersifat *qadīm*. Kerana pergerakan itu adalah perpindahan daripada suatu ruang ke ruang yang lain. Maka ia semestinya hanya berlaku kepada jirim, dan semestinya kewujudan pergerakan tadi didahului oleh sesuatu yang mengisi ruang yang berpindah darinya. Walhal, sesuatu yang *qadīm* itu tidak dapat digambarkan ia baru berlaku (seperti bergerak yang sebelumnya diam), juga tidak (dapat digambarkan) ada sesuatu yang lain daripadanya wujud sebelumnya.

Maka telah terhasilah kepada kamu dengan bukti-bukti yang kukuh ini bahawasanya kejadian alam ini seluruhnya adalah baharu; bermula daripada arasnya sehinggalah hamparannya. Tidak tergambar pada akal satupun daripadanya (alam) ada yang bersifat *qadīm*.

## BAB

### Pendirian Bukti-Bukti yang Kukuh Akan Kewujudan Allah SWT dan Penjelasan Mengenai Keperluan Alam kepadaNya

Apabila telah ditetapkan bahawa alam itu baharu selepas ia *‘adam* (tiada sebelumnya), maka ia mestilah memerlukan kepada Zat Yang Menjadikannya; kerana tidaklah dapat digambarkan pada akal berpindahnya ia daripada tidak wujud (*‘adam*) sebelumnya kepada wujud yang baru berlaku dengan tanpa sebarang sebab. Kalaulah bukan Zat Yang Maha Melakukan Segala Sesuatu Yang Memilih (*al-Fā‘il al-Mukhtār*) untuk mewujudkan alam sesuai zaman yang dikehendakiNya, pada kadar dan sifat yang dikehendakiNya; nescaya wajiblah ia untuk tetap berkeadaan dengan tidak wujud (*‘adam*) selamalamanya, kerana zat alam itu menerima semua ukuran, segala sifat, dan setiap waktu ketika, dengan kadar yang sama.

Adapun wujud dan tidak wujud itu maka dikatakan: Kedua-duanya secara hakikatnya mempunyai kadar penisbahan yang sama. Maka mustahil untuk memenangkan sifat wujud yang setara (dengan tidak wujud) dan baru berlaku dengan tanpa sebab. Juga dikatakan: *al-‘Adam al-Sabiq* (tidak wujud terlebih dahulu) adalah lebih patut baginya, kerana keasliannya dan ia tidak memerlukan kepada sebab sama sekali. Maka jika *mentarjīb* salah satu daripada dua perkara yang sama tanpa sebarang sebab itu mustahil. Kemustahilan *mentarjīb* sifat wujud yang lebih *marjūh* bagi alam berdasarkan pada teori ini dengan tanpa sebab adalah lebih patut.

## BAB

### Dalil Wajibnya Sifat *Qidam* dan *Baqā’* bagi Allah SWT

Kemudian wajib ke atas Pencipta Alam itu *Qadīm*, iaitu tiada permulaan bagi wujudNya, dan jika tidak; nescaya berkehendak ia kepada pencipta, maka itu melazimkan terjadinya *tasalsul*<sup>1</sup>, yang

---

<sup>1</sup> *al-Tasalsul* adalah semua perkara yang wujud itu terwujud dari perkara lain, dan wujudnya perkara lain pula terwujud dari perkara yang lain lagi, berantai-rantai sehingga tidak ada penghabisannya. Ini adalah mustahil menurut ijmak ulama ahli

membawa kepada satu rangkaian yang tidak ada pengakhiran baginya. Atau pun berlakunya *dawr*<sup>2</sup> yang membawa kepada keadaan sesuatu itu mendahului zatnya sendiri. Keduanya ini mustahil dan tidak diterima oleh akal.

Lazim (juga) bagi Pencipta Alam wajib bersifat *baqā'* iaitu tiada pengakhiran kewujudanNya; kerana jikalau ia menerima untuk disandarkan kepada sifat *'adam*, nescaya wujudnya tatkala itu adalah harus (*jā'iz*) iaitu yang bukan wajib, berdasarkan apa yang kamu sudah mengetahui bahawa hakikat wajib adalah perkara yang tidak dapat diterima akal akan ketiadaannya. Namun wujud ini tadi telah ditetapkan untuk menerima *'adam*, maka jadilah kewujudannya itu harus (*jā'iz*), kerana harus adalah perkara yang sah pada akal akan kewujudannya dan ketiadaannya. Sedangkan perkara yang harus adalah mustahil berlaku tanpa sebab.<sup>3</sup> Maka perkara yang 'harus wujudnya ini' memerlukan suatu sebab, maka jadilah ia baharu. Walhal telah dibuktikan wajibnya sifat *qidam* bagi Pencipta Alam. Oleh itu, hipotesis bahawa tidak wajib bersifat *baqā'* bagi perkara yang telah didatangkan bukti-bukti wajibnya ia bersifat *qidam* adalah berlawanan yang tidak dapat diterima oleh akal fikiran.

## BAB

### Dalil Wajib Bersalahannya Allah SWT bagi Segala yang Baharu, Tidak BersatuNya dengan SelainNya dan Penjelasan Dalil Wajib berdirinya Allah SWT dengan Zatnya Sendiri

Lazim juga bagi Pencipta Alam tidak berjirim, dan tidak juga menjadi sifat bagi jirim; kerana apa yang telah kamu ketahui bahawa perkara yang berjirim beserta sifat-sifatnya adalah baharu. Juga Pencipta Alam mestilah tidak bersatu dengan selainNya, iaitu selainNya dan Dia adalah satu; kerana apabila dua zat menjadi satu; jika kedua-dua zat tersebut masih tetap ada, maka kedua-duanya itu setelah bersatu tetap dikira dua, bukan satu. Dan jika kedua-dua zat tersebut hilang setelah bergabung maka kedua-duanya tetap tidak bersatu; kerana zat yang ada setelah penggabungan itu adalah zat lain, yang ketiga. Dan jika salah satu dari dua zat itu tadi hilang, manakala satu lagi tetap ada setelah penggabungan, maka tetap tidak dikira bersatu; kerana benda yang tidak wujud tidak boleh bergabung dengan benda yang wujud.

Pencipta Alam tidaklah berada di suatu arah daripada arah-arah yang ada; kerana tiada yang memenuhi ruang-ruang tersebut melainkan jirim-jirim sahaja. Dan tidaklah Allah itu bagiNya ada suatu arah kerana arah itu merupakan bahagian daripada sifat jisim. Maka arah atas (seperti contoh) bagi anggota adalah kepala, manakala arah bawah bagi anggota adalah kaki, kanan bagi anggota adalah tangan kanan, kiri bagi anggota adalah tangan kiri, arah hadapan bagi anggota adalah perut dan arah belakang pula adalah tulang belakang. Maka barangsiapa yang mustahil berupa jirim, maka pastinya mustahil baginya bersifat dengan anggota-anggota ini atau yang melazimi anggota tersebut secara pasti!

Dan demikian juga, wajib bagi Allah SWT berdiri dengan sendiriNya, iaitu dengan Zatnya yang tidak berkehendak Zatnya kepada tempat. Dan mustahil Allah SWT adalah sifat.

Terdapat dalam kalangan mereka yang menafsirkan "berdiri Allah SWT dengan sendiriNya" itu dengan terlepas Dia daripada tempat dan yang menjadikan. Tafsiran ini adalah lebih khusus daripada tafsiran yang pertama dan ia memisahkan terus keterkaitan atom (*jawbar*) dengan Zat Allah SWT melalui sifat ini (berdiri Allah SWT dengan sendiriNya).

---

kalam. Lihat: 'Alī al-Yafrinī, *al-Mabāḥiṭh al-'Aqliyyah fī Sharḥ Ma'ānī al-'Aqīdah al-Burhāniyyah*, ed. Jamāl 'Alāl al-Bakhtī (Tetouan: Markaz Abī al-Hasan al-Ash'arī, 1438H/2017M), 2/789.

<sup>2</sup> *al-Dawr* adalah setiap satu dari dua perkara atau lebih, seumpama salah satu dari keduanya memerlukan satu yang lain supaya ia dapat wujud, maka nescaya setiap dari keduanya mesti datang terlebih dahulu daripada kewujudan satu yang lain. Maka ini akan melazimkan kedua-duanya mesti berada pada yang terdahulu. Perkara ini adalah jelas mustahil. Lihat: Ibid., 2/788. Perumpamaan yang mudah adalah seperti telur dan ayam, manakah yang datang dahulu?

<sup>3</sup> Iaitu mustahil wujud dengan sendirinya tanpa ada yang menciptakan.

Adapun dalil Allah SWT tidak memerlukan yang menjadikan adalah berdasarkan apa yang telah terdahulu tentang dalil wajibnya bersifat *qidam* bagi Allah SWT dan *baqā'*Nya, dan dalil tidak memerlukan tempat; kerana jika Allah merupakan sifat, maka tiadalah Dia bersifat dengan segala sifat *ma<sup>ḥ</sup>naviyyah* dan *ma<sup>ḥ</sup>ānī*; kerana sifat itu tiada bersifat dengan sifat, dan bahawasanya kalaulah Dia adalah sifat, nescaya Dia memerlukan tempat untuk Dia berdiri.

Kemudian jika tempat itu pula adalah tuhan seperti sifat tersebut, maka lazimlah berbilangnya tuhan. Dan jikalau sifat itu sahaja tuhan dan dihukumi dengan hukum-hukum ketuhanan pada sifat itu, maka lazimlah sifat itu berdiri pada tempat, sedangkan tempat tidak boleh bersifat dengan hukum ketuhanan, ia adalah mustahil.

Dan juga tiadalah sifat itu terlebih layak daripada tempat sifat tersebut untuk menjadi tuhan.

## BAB

### Dalil Wajib Sifat *Ma<sup>ḥ</sup>ānī* dan Hukumnya bagi Allah SWT Beserta Wajib Sifat *Qidam* dan *Baqā'* Serta Segala Sifat dan Apapun yang Berkaitan Dengannya

Terdapat padanya beberapa fasal:

#### FASAL PERTAMA

##### Kewajipan sifat *Qudrah* bagi Allah SWT dan Hukum-Hukumnya

Lazim juga bagi Pencipta Alam ini Zat Yang Berkuasa (*Qādir*). Jikalau tidak, nescaya tidaklah Dia menciptakan sesuatupun daripada alam ini. (BerkuasaNya tadi adalah) dengan sifat *qudrab* (pekuasa), kerana tidak masuk akal Zat Yang Berkuasa tidak memiliki sifat *qudrab* (pekuasa). (Sifat *qudrab* tadi) tidak bersatu dengan Zatnya; kerana kalau ia bersatu, nescaya adanya dua perkara itu adalah satu, dan hal ini adalah mustahil dan tidak masuk akal. Juga sifat *qudrab*Nya (tadi) itu *qadīm*, kerana jikalau tidak (*qadīm*) nescaya lawan sifat *qudrab* – iaitu sifat lemah – juga dihukum *qadīm*. Maka ia tidak akan hilang selamanya sebagaimana yang telah kamu ketahui bahawasanya yang *qadīm* itu tidak akan menerima *ḥadam* (tidak wujud). Maka (ini membawa andaian) Pencipta Alam tidak akan berkuasa selama-lamanya, walhal ciptaan-ciptaanNya telah menjadi saksi andaian ini adalah mustahil.

Juga, kalaulah sifat *qudrab* itu baharu, nescaya berkehendak ia kepada *qudrab* lain untuk menciptanya (mencipta sifat *qudrab* tadi). Maka demikian itu akan menyebabkan *tasalsul*.

Dan lazim bagi sifat *qudrab* ini berta<sup>ḥ</sup>*alluq* dengan sekalian yang *mumkināt* (yang kewujudannya adalah harus); kerana jikalau ia berta<sup>ḥ</sup>*alluq* dengan sebahagian dari perkara yang *mumkin* sahaja, nescaya ia berhajat kepada yang menjadikan kerana sama kebarangkalian semua *mumkināt* untuk wujud dan tidak wujud, maka jadilah ia baharu, sedangkan kamu telah mengetahui kewajipan *qidamnya* sifat *qudrab*. Jika ditetapkan dijadikannya sifat *qudrab* tersebut tanpa ada yang menjadikan, maka lazimlah berubah ia daripada sesuatu harus kepada mustahil.

#### FASAL KEDUA

##### Pensabitan sifat *Irādah* Allah SWT Beserta Hukum-Hukumnya

Lazim juga bagi Pencipta Alam bersifat dengan sifat *irādah*, iaitu pekehendak pada perbuatanNya; kerana kalau tidak berkehendakNya untuk menjadikan perbuatan dengan wujudnya pada zaman yang tertentu, dengan kadar yang tertentu dan sifat yang tertentu, nescaya kekal ia atas keadaan asalnya iaitu tidak wujud selama-lamanya.

Jika diandaikan bahawa Zat Pencipta Alam adalah *‘illat* bagi wujudnya alam atau wujud alam ini oleh Pencipta Alam secara *ṭabī‘at* (dengan sendirinya) sehingga tidak memerlukan kepada *irādah*Nya, maka lazimlah alam ini dikatakan *qadīm* disebabkan keterikatan *‘illat* dan *ma‘lūkiyyah* beserta *ṭabī‘at* dan *maṭbū‘ah*nya, maka kamu sudah tahu akan wajib baharunya ia.

Manakala sanggahan ke atas pernyataan ini dengan menyatakan bahawasanya Pencipta Alam ini adalah *ṭabī‘at* (semata), hanya sanya alam itu tidak wujud bersamanya pada azali kerana wujudnya penghalang azali yang menghalang akan wujudnya ketika ini. Maka apabila hilang penghalang tersebut pada masa yang belum terjadi, maka *ṭabī‘at*lah yang menjadikan alam ini. (Andaian ini) adalah *fāsid* (rosak); kerana andaian ini melazimkan ketiadaan alam selamanya! Ini disebabkan penghalangnya berdasarkan ketetapan ini mestilah bersifat azali, maka mustahil ketidaksiadaannya penghalang tersebut, sebagaimana yang telah kamu ketahui bahawasanya perkara yang telah sabit bersifat *qadīm*, maka mustahil ia (menerima) *‘adam* (tidak wujud).

Begitu juga sanggahan ke atas pernyataan ini dengan menyatakan bahawasanya Pencipta Alam itu adalah *ṭabī‘at* dan alam ini terlambat pada azali kerana kewujudannya tergantung pada syarat yang ia belum wujud pada azali. Maka tatkala syarat itu ada pada masa akan datang, maka wujudlah alam ini secara *ṭabī‘at*nya ketika ini. (Andaian ini) adalah *fāsid* (rosak) juga; kerana perbincangan berkenaan baharunya syarat dan terlambatnya kejadian alam daripada azali adalah sama seperti perbincangannya tentang (andaian) penghalang kejadian alam tadi. Andaian ini juga memerlukan kepada andaian penghalang azali, maka lazimlah ketiadaan syarat kewujudan alam selamanya. Seterusnya lazim dari hal tersebut ketiadaan alam itu sendiri yang merupakan *masyrūt* (yang disyaratkan) bagi syarat itu tadi. Ataupun, ia memerlukan kepada andaian syarat yang lain yang baharu (yang dengannya ada syarat kewujudan alam), maka perbincangan ini berpindah kepada syarat itu tadi, dan lazimlah *tasalsul*. Maka sabitlah dengan hujjah ini, bahawasanya Pencipta Alam adalah Zat Yang Berkehendak Yang Maha Memilih (perbuatanNya sendiri), bukan *‘illat* juga bukan *ṭabī‘at*.

Lazim terjadinya itu dengan sifat *irādah*Nya yang *qadīm* ke atas semua perkara yang *mumkin*, tidak kira yang baik mahupun yang buruk sebagaimana yang telah kamu ketahui sebelum ini pada perbincangan sifat *qudrat*. Lazim sifat *irādah*Nya itu bukan kerana atas hajat untukNya, kerana jikalau begitu, nescaya Zatnya adalah kurang yang dilengkapkan dengan perbuatanNya. Ini adalah jelas mustahil. Bahkan (sifat *irādah*Nya itu) bukan juga atas hajat untuk makhlukNya, kerana jikalau begitu, nescaya wajiblah ke atasNya memelihara perkara yang baik (*al-salāh*) dan terbaik (*al-aṣlah*) bagi mereka. Perkara ini adalah mustahil, seperti mana yang akan datang perbincangannya.

Seperti mana mustahilnya Allah SWT itu berkehendak atau berbuat disebabkan oleh sesuatu hajat, begitu jugalah mustahil terjadi hukum ke atas sebuah perbuatan yang wajib atau haram atau selain keduanya daripada hukum-hukum syariat itu adalah disebabkan oleh hajat dari hajat-hajat yang tertentu; kerana kesemua perbuatan itu adalah sama dari segi ia adalah makhluk dan rekaanNya. Maka penentuan kewajipan sebahagian perbuatan itu dan keharaman sebahagian yang lain atau selainnya adalah murni berlaku atas pilihanNya, tiada sebab bagiNya dan tiada pula ruang bagi akal sama sekali (untuk memikirkannya), dan ia hanya dapat diketahui melalui jalur syariat sahaja.

Secara keseluruhannya, segala perbuatan Allah SWT beserta hukum-hukumNya adalah tanpa ada *‘illat* padanya. Adapun usaha mencari *‘illat* dalam istinbat hukum (fikah) oleh ahli syariat adalah ditakwilkan sebagai *amārāt* (tanda) atau yang seumpama dengannya.

### FASAL KETIGA

#### Kewajipan Sifat Ilmu Allah SWT Beserta Apapun yang Berkaitan Dengannya

Lazim bagi Pencipta Alam adalah Yang Maha Berilmu pada apa yang meliputi segala isi alam dari segi hakikat penciptaannya sehinggalah keajaiban rahsia-rahsianya. (Lazimlah Dia Maha Berilmu) dengan ilmu yang *qadīm*, sebagaimana yang telah lalu pada perbahasan sifat *qudrat*. IlmuNya adalah suci daripada ilmu *darūrī*<sup>4</sup> dan *naẓarī*<sup>5</sup>; jikalau tidak, nescaya ilmuNya akan terpalit dengan suatu *ḍarar* (keterpaksaan) atau ilmuNya itu dihukum baharu.

Ilmu Allah SWT berta<sup>ʿ</sup>*alluq* dengan kesemua pembahagian hukum aqli, jikalau tidak, lazimlah ia memerlukan kepada yang mengadakan seperti keterangan yang telah lalu.

#### FASAL KEEMPAT

##### Pensabitan Sifat *Sama*<sup>ʿ</sup>, *Baṣar* dan *Kalām* Beserta Apapun yang Berkaitan Dengannya

Lazim bagi Allah SWT itu Yang Maha Mendengar (*samī*<sup>ʿ</sup>), lagi Maha Melihat (*baṣīr*), lagi Maha Berfirman (*mutakallim*), dengan sifat pendengar (*sama*<sup>ʿ</sup>) dan pelihat (*baṣar*) yang *qadīm* keduanya dan berta<sup>ʿ</sup>*alluq* dengan sekalian yang wujud. (Allah Maha Berfirman) dengan sifat pekata (*kalām*) yang *qadīm* yang berdiri ia pada Zat Allah SWT, yang bukan berhuruf dan bukan bersuara, dan ia tidak diperbaharui dan tidak terjadi padanya diam, tidak bersifat dengan dahulu dan tidak kemudian, dan tidak pula berpermulaan dan tiada penghabisan, dan tiada padanya semua dan bukan pula sebahagian. (Sifat *kalām* ini) berta<sup>ʿ</sup>*alluq* dengan segala perkara yang berta<sup>ʿ</sup>*alluq* oleh sifat ilmu.

Dalil yang menunjukkan Allah SWT bersifat dengan tiga sifat ini adalah dengan dalil aqli; iaitu mustahil Allah bersifat dengan lawan sifat-sifat ini. Adapun (berdalil dengan) dalil naqli adalah lebih baik.<sup>6</sup>

Sehubungan itu, pendapat yang menjadi pilihan bagi sifat *idrāke* adalah bertawaqquf (tidak menetapkan juga tidak menafikan); kerana tiada dalil naqli untuk mengisbatkannya atau menafikannya.

Bagi yang menjadikan (ayat-ayat) *istivāʿ*<sup>7</sup>, *yad*, *ʿayn*, dan *wajb* sebagai nama bagi sifat-sifat selain (sifat *maʿānī*) yang lapan; atau yang mentakwilnya dengan makna menguasai<sup>8</sup>, kekuasaan<sup>9</sup>, penglihatan<sup>9</sup> dan kewujudan<sup>10</sup>; atau bertawaqquf dari mentakwilkannya dan menyerahkan (*tafwīd*) maknanya kepada Allah SWT setelah membersihkan daripada makna zahirnya yang jelas mustahil secara ijmak; itu semua terdapat tiga pendapat: iaitu pendapat al-Shaykh al-Ash<sup>ʿ</sup>ari<sup>11</sup>, Imam al-Ḥaramayn dan para ulama salaf.

#### FASAL KELIMA

##### Kewajiban Sifat *Ḥayāt* bagi Allah S.W.T Beserta Mendirikan Bukti-Bukti yang Kukuh atas Wajibnya Bersifat *Qidam* dan *Baqā*<sup>ʿ</sup> bagi Semua Sifat Zat Allah *Jalla wa ʿAzza* dan Allah Maha Tinggi (Bersih) Dari Segala Sifat-Sifat yang Baharu

Lazim bagi Allah SWT itu Yang Maha Hidup (*ḥayyūn*), dan jikalau tidak, nescaya Dia tidak bersifat dengan sifat ilmu, dan tidak juga bersifat pekuasa (*qudrat*), pekehendak (*irādat*), pendengar (*sama*<sup>ʿ</sup>), pelihat (*baṣar*) dan pekata (*kalām*). (Lazimlah Dia Maha Hidup) dengan sifat pehidup yang

<sup>4</sup> Ilmu *darūrī* adalah ilmu baharu yang tidak mampu bagi hamba Allah untuk menolaknya yang disertai dengan (pembuktian) salah satu dari 6 pancaindera. Lihat: al-Yafrinī, *al-Mabāḥiṭh*, 2/845.

<sup>5</sup> Ilmu *naẓarī* adalah ilmu yang dihasilkan dengan kekuasaan yang bersifat baharu (bukan *qadīm*). Lihat: Ibid., 1/539.

<sup>6</sup> Seperti firman Allah SWT: “كَلِمَ اللّٰهِ مَوْسَىٰ تَكْلِيْمًا”, artinya: Allah berfirman kepada Nabu Musa dengan sebenar-benar firman (secara langsung).

<sup>7</sup> *Istivāʿ*<sup>ʿ</sup> ditakwil menjadi menguasai.

<sup>8</sup> *Yad* ditakwil menjadi kekuasaan.

<sup>9</sup> *ʿayn* ditakwil menjadi penglihatan.

<sup>10</sup> *Wajb* ditakwil menjadi kewujudan.

<sup>11</sup> Iaitu pengasas akidah al-Ash<sup>ʿ</sup>ari: al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash<sup>ʿ</sup>ari.

*qadīm*, sebagaimana yang telah lalu pada perbahasan wajibnya bersifat *qidam* bagi kesemua sifat yang disyaratkan ada sifat *hayāt* untuk mengesahkan kewujudan sifat-sifat tersebut. Sedangkan syarat pula mustahil dilewatkan daripada datangnya perkara yang disyaratkan. (Sifat *hayāt* ini) wajiblah ia *baqā'* (kekal) selamanya, dan jikalau tidak, nescaya ternafilah sifat *qidamnya*. Maka sekarang kamu sudah tahu akan kewajibannya (Allah bersifat *hayāt*).

Begitu juga kepada semua sifat-sifat yang berdiri pada Zat Allah SWT itu wajib bersifat dengan sifat *qidam* dan *baqā'*; kerana jikalau ia menerima *'adam* (tidaak wujud) maka nescaya ia adalah baharu, sebagaimana yang telah kamu ketahui bahawasanya Zat Yang *Qadīm* itu tidak menerima akan *'adam*. Sedangkan Allah SWT mustahil bersifat dengan sifat yang baharu; kerana jikalau tidak, nescaya Zatnya boleh menerima sifat baharu pada azali, kerana penerimaan sifat baharu ini juga membawa kepada baharunya penerimaan tersebut, maka berhajatlah Zatnya kepada penerimaan lain lagi bagi penerimaan tersebut. Maka ini akan menyebabkan terjadinya *tasalsul*. Jikalau lazim penerimaan sifat-sifat yang baharu tadi wujud pada azali; maka sahlah Dia bersifat dengan sifat yang baharu pada azali; kerana tidak ada makna untuk menerima kecuali sifat-sifat baharu tadi, dan hal tersebut adalah mustahil; kerana perkara yang baharu itu tidak mungkin menjadi *qadīm*, kerana secara lazimnya perkara yang *qadīm* itu tidak menerima *'adam*. Walhal perkara yang baharu sahaja yang menerima *'adam* dan bersifat dengannya, maka kedua-duanya ini adalah berlawanan.

Maka dapat memberi kesimpulan di sini bahawa apa yang diterima oleh Zat Allah Yang Maha Tinggi dari segi segala sifat itu adalah secara azali yang wajib baginya. Tidak pula tergambar akan ia itu adalah baharu. Apa yang tidak diterima oleh Zat Allah Yang Maha Tinggi pada azali maka tidaklah Dia akan menerimanya selamanya sebagaimana yang telah kamu ketahui mengenai kemustahilan berlaku penerimaan kepada zat yang sebelumnya tiada padanya.

Juga kalaulah Allah SWT itu bersifat dengan sifat yang baharu, maka tidak bolehlah Dia untuk berlepas daripadanya atau sifat lawannya atau yang sesama dengannya. Jikalau ia berlepas, nescaya haruslah ia untuk berlepas daripada segala sifat; kerana penerimaan Zat Allah terhadap sifat tersebut adalah sejenis *dhātī* yang tidak berubah. Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui sebelumnya akan kemustahilan bagiNya berlepas daripada sifat ilmu, penguasa (*qudrat*), pekehendak (*irādat*), dan pehidup (*hayāt*). Maka telah sabitlah bahawa segala sifat yang diterimaNya itu tidaklah ia berlepas daripadanya, kecuali kalau disifatkan pada sifat-sifat lawannya atau yang sesamanya. Namun lawan bagi sifat baharu tersebut atau sesamanya tidak lain tidak bukan hanya baharu dengan dalil bolehnya ia tidak ada; kerana yang *qadīm* itu tidak akan menerima *'adam*. Apa yang tidak berlepas daripada perkara baharu maka ia adalah baharu juga secara pasti. Maka lazim bahawa menyifatkan Allah SWT dengan sifat yang baharu maka akan mewajibkan baharuNya secara pasti, dan kamu telah mengetahui wajibnya *qidam* Allah SWT.

Dan juga Allah *'azza wa jalla* tidak bersifat melainkan dengan sifat kesempurnaan secara ijmak. Maka lazimlah sifat baharu ini yang telah ditetapkan sebagai sifat Allah SWT itu merupakan sifat kesempurnaan bagiNya. Benar-benar hilanglah kesempurnaan bagi Zat Allah Yang Maha Tinggi pada azali kerana penetapan baharunya sifat-sifat tadi. Walhal hilangnya kesempurnaan merupakan satu kekurangan. Allah SWT mestilah suci daripada kekurangan menurut kesepakatan orang-orang yang berakal.

Kenyataan ini tidak boleh disanggah dengan mengatakan bahawa kesempurnaan sifat-sifat tuhan yang baharu itu tidak akan hilang berdasarkan andaian tuhan bersifat sebelum itu dengan sifat-sifat yang lain yang setara dengan sifat baharu tadi dari segi kesempurnaannya, secara bersilih ganti sehingga tidak ada penghubungnya; kerana kami telah mengatakan: Tidak samar lagi bahawasanya andaian ini adalah batil; kerana ia adalah *tasalsul* dari pintu perkara-perkara yang baharu yang tiada permulaan baginya. Ini adalah jelas mustahil.



Lazim juga bahawa semua sifat daripada sifat-sifat Allah itu adalah Esa; kerana jikalau tidak, nescaya berkumpul dua perkara yang sama dan ia adalah menghasilkan yang sudah terhasil, dan ia adalah mustahil.

## BAB

### **Dalil Kewajiban Sifat Esa bagi Allah SWT dan Kewajiban Menyandarkan Segala Benda yang Wujud kepada Allah Sejak Mula Tanpa Penrantaraan Alat bagiNya dan Tanpa yang Membantunya. Dan Sesungguhnya Tidak Ada Pada Kewujudan Melainkan Dikembalikan kepada Allah Jua Beserta Perbuatannya**

Lazim bahawa Allah SWT itu Yang Maha Esa pada ZatNya dengan makna bukan bersusun (dari 2 perkara atau lebih); dan jikalau tidak, nescaya Dia adalah berupa jisim.

Dan juga, kalaulah Dia tersusun daripada dua jujuk atau lebih, maka tidak terlepas sama ada setiap sifat ketuhanan itu kena pada setiap jujuk atau sebahagiannya sahaja. (Andaian) yang pertama melazimkan Dia terjadi berbilang tuhan; dan (andaian) yang kedua pula melazimkan Dia baharu kerana Dia berkehendak kepada yang mengkhususkan sebahagian sahaja dari zatNya (yang berbilang tersebut) dengan sifat ketuhanan, sedangkan kesemua bahagian zatNya sama-sama boleh menerima sifat-sifat tersebut.

Dan bukanlah makna menafikan tersusunnya Zat Yang Maha Tinggi itu adalah mengatakan Zat adalah satu jujuk sahaja yang tidak dibahagi lagi menjadi berjujuk-jujuk; kerana jikalau tidak, nescaya jadilah Dia *jawbar fard* (suatu yang tiada dapat dibahagi dengan suatu jalan jua apapon). Benar-benar telah dinyatakan sebelum ini mengenai kemustahilan penisbahan jirim ke atasNya secara mutlak. Hanya sahaja yang dimaksud bahawa Zat Yang Maha Tinggi itu adalah tidak menerima (ukuran) kecil atau besar; kerana kedua-duanya adalah sifat bagi jirim, dan mustahil Allah SWT itu jirim.

Lazim juga bahawa Allah SWT itu Yang Maha Esa pada sifat-sifatNya, dengan makna tiada yang menyerupainya; kerana jikalau tidak, nescaya lazimlah Dia baharu, kerana dua zat yang sama itu memerlukan kepada yang mengkhususkan setiap satu darinya dengan sifat baharu yang membezakannya dari yang satu lagi.

Juga jikalau ada bersamaNya tuhan kedua, nescaya lazimlah tuhan kedua tadi berkongsi mempunyai *qudrat* dan *iradat* yang sama seperti pertama, perkara ini membawa kepada sifat lemahnya salah satu daripada keduanya secara pasti; tak kiralah sama ada keduanya berbeza pada perkara yang berlawanan dan ini jelas, ataupun keduanya bersetuju pada satu perkara, kerana perbuatan yang satu mustahil untuk dibahagikan. Maka tidak mungkin berlaku melainkan kepada salah satu antara keduanya, maka lazimlah lemah ke atas lainnya yang tidak dapat memberlakukan (suatu perkara tersebut). Jika lemah salah satunya, maka wajiblah lemah juga kepada lainnya disebabkan persamaan keduanya dalam sifat ketuhanan. Perkara ini akan membawa kepada tiada sesuatu daripada alam ini, pandangan mata akan mendustakan (menolak) andaian ini.

Maka dengan dalil ini anda mengetahui kemustahilan sesuatu daripada alam ini yang boleh memberi kesan kepada sesuatu apapun perkara; kerana ini akan menyebabkan terkeluar kesan yang diberikan oleh makhluk dari ruang lingkup kekuasaan dan kehendak Allah *‘azza wa jalla*. Hal ini menyebabkan perkara yang baharu lebih berkuasa dari yang *qadim*, dan ia adalah mustahil. Maka tiadalah kesan sama sekali bagi kuasa makhluk ketika bergerak, diam, taat, maksiat, dan tiada juga ia memberi kesan sama sekali secara umum, bukan secara terus dan bukan terhasil daripadanya.

Pahala dan dosa itu tiada sebab bagi keduanya secara akal. Sedangkan taat dan maksiat itu hanyalah tanda dan makhluk ciptaan Allah SWT tanpa ada sebarang perantaraan tertentu daripada hamba. Ia hanya menunjukkan secara syarak apa yang Allah SWT pilih dari segi pahala dan dosa. Kalau seumpama Allah SWT menukar pengertian keduanya atau memberi pahala dan menyeksa sejak awal

lagi tanpa ada sebarang tanda, nescaya semuanya itu adalah baik bagi Allah *‘azza wa jalla*, ﴿ لا يسئل عما يفعل ﴾<sup>12</sup> (Dia (Allah) tidak ditanya akan apa yang diperbuatNya).

*Kasb* hamba (manusia) pula adalah satu ungkapan yang memberi erti bahawa Allah SWT menjadikan perkara yang telah ditentukan kepada hambaNya seperti gerak dan diam misalnya, seiring dengan *qudrat* baharu yang ada pada hamba tersebut, yang berta<sup>‘</sup>*alluq* dengan ketentuanNya, tetapi bukan atas jalan memberi kesan ke atas ketentuan itu secara hakiki. *Kasb* inilah yang dita<sup>‘</sup>*alluq*kan dengan *taklif shar‘iyyi* dan menjadi tanda pahala dan dosa secara syarak bukan akal.

Dalil yang menunjukkan kebersamaan *qudrat* yang baharu ini pada suatu pekerjaan – walaupun ia tidak memberi kesan sama sekali pada *qudrat* yang baharu tadi – adalah bolehnya kita tahu perbezaan secara pasti antara gerakan menggigil dan yang seumpama dengannya dari segi gerakan-gerakan yang terpaksa; dengan selainnya dari segi pergerakan yang bukan terpaksa. Tiada beza antara keduanya selepas melakukan penelitian *al-sabr*<sup>13</sup> *al-tām*, hanya saja adanya pergerakan secara pilihan ini mestilah disertai dengan *qudrat* yang baharu pada manusia yang mana dia dapat merasakan dengan *qudrat* itu tadi kebolehan untuk melakukan perbuatan tersebut, berbeza dengan yang pertama yakni secara terpaksa.

Maka natijah yang terhasil bagimu dari hal ini adalah; bahawa dengan perkataanku: “sesungguhnya perbuatan yang tidak dirasakan oleh pemiliknya keterpaksaan disertai dengan satu *qudrat* yang baharu pada manusia itu, ia adalah sifat baru (*‘arad*) daripada sifat-sifat baru seperti ilmu dan sesamanya, yang berta<sup>‘</sup>*alluq* dengan perbuatan walaupun kita tidak melihatnya dapat memberi kesan sama sekali”; (dengan perkataan ini) kita telah berlepas diri dengan mazhab Jabriyyah yang menafikan *qudrat* baharu pada manusia secara mutlak. Dan dengan perkataanku lagi: “bukanlah *qudrat* baharu itu memberi kesan pada perbuatan tersebut secara pasti, namun ia hanya bersangkutan dengannya dan mengiringinya”; (dengan perkataan ini) kita juga telah berlepas dengan mazhab Qadariyyah yang merupakan majusi umat ini, yang berkata bahawasanya *qudrat* baharu yang ada pada manusia itulah ciptaan manusia itu sendiri atas kehendaknya sendiri juga. Mereka berkata: dengan inilah manusia itu berbuat taat dan berbuat maksiat, dan atas dasar itu jugalah ia diberi ganjaran dan diseksa.

Dan telah jelas kepada kamu sebelum ini bahawa pahala dan dosa itu tiada sebab baginya secara akal menurut ahli hak, dan taat dan maksiat itu adalah tanda yang Allah jadikan dan tiada *‘illat* (sebab) baginya secara akal.

Maka dengan ini jelaslah perbezaan mazhab yang hak dengan mazhab yang sesat iaitu mazhab Jabriyyah dan Qadariyyah yang rusak keduanya; kerana sesungguhnya perbezaan kedua-duanya adalah perkara yang tidak jelas bagi banyak orang.

Begitu juga tiada kesan suatu makanan pada kekenyangan, dan tiada pula air itu membuat kenikmatan, (menghidupkan) tumbuh-tumbuhan, atau membuat kebersihan. Juga tidaklah api itu yang membakar, memanaskan, atau memasak makanan. Juga tidaklah pakaian dan dinding itu yang melindungi dan menghalang daripada panas dan sejuk. Juga tidaklah pokok itu yang membuat bayang-bayang. Juga tidaklah matahari dan bintang-bintang sekalian itu yang menerangi. Juga tidaklah pisau itu yang memotong. Juga tidaklah air sejuk itu yang mengurangkan tahap kepanasan air yang lainnya, seperti mana tidaklah air yang lain pula memberi kesan untuk mengurangkan tahap kesejukan air tadi. Kiaskanlah dengan ini segala apa yang telah dijalankan oleh Allah secara adatnya untuk mewujudkan sesuatu padanya.

Kamu ketahuilah bahawasanya dari Allah-lah bermulanya tanpa ada sebarang perantaraan, dan tiadalah kesan bagi sesuatu yang bersamanya, bukan disebabkan oleh *tabi‘at*nya dan tidak pula

---

<sup>12</sup> al-Anbiyā’: 23.

<sup>13</sup> Penelitian *al-sabr* adalah membatasi sifat-sifat suatu perkara untuk dikenal pasti *‘illat* hukum perkara tersebut.

disebabkan kekuatan atau ciri-ciri khusus yang Allah SWT jadikan padanya seperti yang dipercayai oleh banyak orang jahil.

Kebanyakan para imam ahli tahkik benar-benar telah menyebutkan kesepakatan mereka atas kufurnya sesiapa yang mempercayai bahawa perkara tersebutlah (makanan, air dan lain-lain) yang memberi kesan dengan sendirinya (*tabīʿat*nya). Khilaf ulama (hanya berlaku) pada apakah jatuh kufur kepada sesiapa yang mempercayai bahawa kesan tersebut datang dari kekuatan atau ciri-ciri yang Allah SWT jadikan padanya dan jikalau dicabut kekuatan atau ciri-ciri tersebut maka tiadalah memberi kesan.

Maka sesungguhnya kamu telah ketahui daripada ayat-ayat ini apa yang wajib pada haknya Allah SWT dan apa yang mustahil padaNya.

## BAB

### **Apa yang Harus pada Hak Allah SWT, dan Penjelasan Dalil atas Ketidakwajibannya SWT untuk Berbuat *Ṣalāh* (Baik) dan *Aṣlāh* (terbaik) kepada MakhlukNya dan Semua yang Berlaku itu Adalah Murni PilihanNya Sebagai Anugerah DariNya *Jalla wa ʿAzza* dan Penjelasan Harus Melihat Allah SWT dan Apa Yang Berkaitan Dengannya**

Adapun yang harus itu adalah semua perbuatan daripada perbuatan-perbuatan Allah SWT, Tidak ada kewajiban ke atasNya sesuatu apapun dan tidak juga untuk menjaga *ṣalāh* (baik) dan *aṣlāh* (terbaik); kerana jikalau tidak begitu, nescaya tidaklah berlakunya cubaan di dunia dan akhirat, juga tidak ada *taklīf* (beban hukum) pada perintah dan larangan (Allah).

Antara perkara yang harus adalah melihat makhluk akan Allah SWT dengan tanpa arah dan tanpa berhadapan; kerana sepertimana sah bagi Allah SWT untuk menganugerahkan penglihatan pada hati-hati mereka yang dinamakan 'ilmu' yang berkaitan Allah SWT seperti apa yang ada padaNya tanpa arah dan tanpa berhadapan. Begitu jugalah Allah SWT boleh menganugerahkan penglihatan pada mata-mata mereka atau selainnya yang dinamakan 'melihat Allah SWT dengan mata kepala' sesuai dengan yang layak pada ZatNya. Lebih-lebih lagi telah dikabarkan oleh syariat akan berlakunya perkara tersebut (melihat Allah SWT dengan mata kepala) kepada mukmin di akhirat nanti, maka wajiblah beriman kepadanya.

Melihat Allah itu, bagi ahli hak tidak memerlukan struktur, tidak berarah dan tidaklah secara berhadapan, dan ia hanya memerlukan kepada tempat berdirinya sahaja penglihatan tersebut. Melihat Allah itu bukanlah dengan cara pantulan cahaya dari mata, dan ia tidak terhalang dengan jarak yang terlampau dekat atau terlampau jauh, dan tiada pula terhalang dengan halangan yang tebal, seperti tidak juga ada yang menghalang bagi 'ilmu'. Adapun apa yang telah ditetapkan di alam ini sebagai penghalang-penghalang dari melihat sesuatu maka ia adalah murni kehendak Allah SWT untuk menghalang penglihatan seseorang ketika ada perkara itu, bukanlah sifat perkara itu menghalang dengan dirinya sendiri.

Adapun penghalang menurut ahli hak itu adalah sifat-sifat yang berlawanan pada penglihatan yang berupa *jawhar fard* (atom terkecil) yang berada di mata secara adatnya. Penghalang juga berbilang mengikut apa yang dilihatnya, sebagaimana penglihatan bagi kita adalah suatu sifat yang berdiri pada *jawhar fard* (zat) mata itu secara adatnya, dan ia berbilang berdasarkan apa yang dilihat oleh pandangan.

## BAB

### **Dalil Pensabitan Risalah yang Dibawa oleh Para Rasul AS Secara Umumnya, dan Pensabitan Risalah yang Dibawa oleh Nabi Kita SAW Secara Khususnya dan Penjelasan *Dalālah* Mukjizat dan Mendekatkan Kefahaman yang Demikian dengan Memberi Contoh**

Termasuk perkara yang harus bagi Allah SWT adalah mengutus para rasulNya kepada hambaNya untuk menyampaikan kepada mereka segala arahan Allah SWT, laranganNya, perkara yang harus, dan apa yang berkaitan dengannya. Dengan *fadlilab* (anugerah) daripada Allah SWT jua, harus bagiNya menolong mereka dengan apa yang dapat menunjukkan kebenaran mereka pada apa yang mereka sampaikan seiring dengan hadis kudi: “صدق عبدي في كل ما يبلغ عني” (*benarlah hambaKu dalam segala apa yang disampaikanNya itu dariKu*).

Para imam kita RA telah membuat perumpamaan hal tersebut dengan kisah seorang lelaki di sebuah perayaan yang besar dengan kehadiran seorang raja, namun sang raja pula telah menghalang semua orang daripada melihatnya, maka lelaki itu tadi mendakwa dengan berkata: “Adakah anda semua tahu kenapa raja mengumpulkan kalian semua? Baginda mengumpulkan kalian semua untuk menyuruh kalian melaksanakan hal-hal ini dan melarang kalian dari hal-hal itu, dan Baginda ingin memaklumkan bahawa kalian akan menghadapi suatu hal yang amat besar lagi mencemaskan, dan satu perkara yang akan meresap ke dalam hati-hati kalian ketika mendengarnya, dan yang dapat menghalang tidur bagi yang memikirkannya. Maka tidak ada yang selamat daripada hal tersebut melainkan orang yang segera melakukan persiapan untuknya sekarang sebelum kedatangannya, dan memberi sepenuh perhatian terhadap apa yang akan disampaikan oleh raja berdasarkan pengetahuannya yang mendalam. Benar raja telah mengarahkan kepadaku untuk menyampaikan perkara tersebut kepada kamu semua sekarang, maka bersegeralah kerana tiadalah antara kamu dan arahan yang menakutkan itu melainkan hanya waktu yang singkat, dan aku dihadapan kamu semua sebagai penasihat yang memegang amanah dan pemberi peringatan yang jelas, dan telah aku menyampaikan kepada kamu semua Perutusan Diraja. Maka barangsiapa yang mentaati suruhannya dan bermuhasabah diri maka dia telah menyelesaikannya dan mencapai reda yang besar daripadanya. Barangsiapa pula yang derhaka kepadanya dan tidak bermuhasabah diri maka dia akan menghadapi apa yang tidak mampu dia tanggung kerana kemurkaan raja, dan tiada siapa yang mampu menghalang seksaannya yang agung”.

“Dan kata-kataku ini, anda semua tahu bahawasanya ia dibawah (titah) raja, dilihat dan didengari oleh baginda sekarang. Walaupun kita terhalang sekarang untuk melihatnya, sesungguhnya ia bukan bermakna baginda terhalang untuk melihat kita dan mendengar apa yang berlaku antara kita sekarang. Bagindalah yang telah meletakkan segala yang dikehendakinya dan bagindalah juga yang menghapuskannya, dan baginda berkuasa untuk menyiksa aku jika aku berbohong padanya. Tiada pula tempat perlindungan untukku jika aku mengingkarinya dan tiada tempat melarikan diri dan tempat berlindung. Sesungguhnya kalian semua telah mempercayai aku sejak aku kecil, aku tidak membenarkan diriku untuk menipu orang yang sama sepertiku, walaupun penipuan itu memberi manfaat kepadaku, walaupun aku terselamat dari segala bentuk musibah dalam penipuan tersebut. Maka bagaimana aku boleh memberanikan diri selepas sempurnanya akalku, berkurangnya makanku dan beruban kening dan jambangku, untuk menipu raja dalam masa yang sama baginda melihat dan mendengarkannya, sedangkan aku tahu betapa keras seksaanNya kepada siapa yang menentangNya dan meringankan arahnya. Maka langit manakah yang membayangiku dan tanah manakah yang memikul diriku jika aku menipunya walaupun satu huruf. Tambahan aku yakin dan pasti kalaulah aku mereka-reka dan memahamkan kamu semua dengan perkara yang berlawanan dengan apa yang dikehendakinya, nescaya baginda akan merentap tangan kananku, kemudian baginda memotong urat tali jantungku, dan tidak aku dapati seorangpun di antara kalian yang dapat menghalang (tindakan baginda) daripada menimpaku.

Kemudian jika ini masih belum memuaskan hati kamu lagi untuk mempercayai kebenaran kata-kataku, dan kamu masih ragu-ragu padaku setelah kamu melihat secara jelasnya kesempurnaan nasihatku kepada kamu semua dan betapa kasihnya aku dan belas kasihannya aku kepada kamu dan kemuliaan sejarahku dan kesucianku daripada sebarang kejahatan terutamanya penipuan. Dan dengan apa yang telah jelas dengan baiknya sirah kehidupanku, maka di sini jelaslah tiada keuzuran bagi setiap

orang, dan terbitlah cahaya pengetahuan yang pasti kepada semua hati-hati sehingga tidak dapat mengingkarinya melainkan bagi sesiapa yang mencari kemurkaan raja dan pastilah ia terkena azab maka dia pun melawannya dan menentangnya. Dengan itu, aku memohon kepada raja seperti mana bolehnya baginda mengutus aku kepada kamu semua untuk menerangkan tujuan kamu semua dan memperingatkan kamu sebelum datangnya balasan yang tidak kamu siap untuk menghadapinya untuk hari kepulanganmu nanti. Baginda juga boleh untuk menjelaskan kebenaran yang aku sampaikan dan tidak ada penipuan mengenainya; iaitu dengan cara baginda melanggar adat kebiasaannya dalam hal tertentu dan melakukan perkara lain yang bukanlah adat kebiasaannya untuk dilakukan. Dan baginda hanya menunaikan permintaanku sahaja dalam hal ini tanpa ada sesiapa daripada kalian yang baginda tunaikan permintaannya yang sama seperti permintaanku; bagi yang berniat untuk menentangkan dan mendustakan pada apa yang telah aku katakan, atau kebenarannya tidaklah seperti benarnya keadaanku ini”.

Kemudian dia berkata: “Wahai Raja! jika aku ini benar pada apa yang telah aku sampaikan mengenai Tuanku, maka ubahlah adat kebiasaan Tuanku, dan lakukanlah hal ini”. Lalu raja pun menunaikannya dengan melakukan berdasarkan apa yang telah dipohon. Semua orang benar-benar tahu bahawa tiadalah mungkin sampai berlaku perbuatan seperti ini daripada raja dengan menggunakan sebarang helah. Maka tiada kesamaran lagi bahawa perbuatan tersebut adalah daripada raja yang setaraf dengan pengakuan baginda melalui kata-kata baginda berkenaan kebenaran lelaki itu tentang semua yang disampaikan mengenainya itu. Pengetahuan mengenainya ini adalah pasti (*darūri*) bagi sesiapa yang hadir di majlis tersebut, atau yang tidak menghadirinya akan tetapi sampai kepadanya berita tersebut secara *tawātur*.<sup>14</sup>

Tidak samar lagi bahawasanya contoh ini menepati keadaan para rasul AS, dan tidak samar lagi ianya sudah diketahui secara pasti melalui sirah para nabi AS yang menggambarkan kejujuran mereka, menegakkan hemah jauh daripada kehinaan, zuhud di dunia beserta nikmat-nikmatnya sehingga sama saja bagi mereka antara emas dan tanah, sentiasa merendahkan diri bersama golongan fakir dan miskin, membuang segala pangkat dan kedudukan di sisi makhluk melainkan memohonnya daripada Allah SWT raja yang sebenar; akan diperhebatkan sifat belas kasihan mereka kepada semua makhluk, agar senantiasa menasihati hamba-hamba Allah SWT dan memperbanyak ketakutan kepadaNya *‘azza wa jalla*. Mereka (para rasul AS) juga berlumba-lumba untuk mematuhi apa yang telah disampaikan kepada mereka sebelum orang lain. Mereka juga bergigih sehinggalah detik kewafatan mereka untuk mendoakan sekalian makhluk Allah SWT; agar menyebarkan hal tersebut kepada sekalian makhluk antara yang rendah dan tinggi (darjat), yang kaya dan miskin, yang bodoh dan pandai, yang asing dan fasih, yang merdeka dan hamba, yang lelaki dan wanita, yang hadir dan ghaib, yang di istana dan di pasar.

Kemudian, mereka (para rasul AS) tetap berlapang dada untuk berhadapan dengan keburukan adab dan kekerasan umat mereka. Dan mereka tetap berkasih sayang kepada semua umat mereka lebih daripada kasih sayang mereka kepada anak-anak mereka, bahkan kepada diri mereka sendiri dengan tanpa minta balasan mereka mengambalnya untuk diberikan kepada mereka. Mereka juga tidak mendapatkan manfaat duniawi daripada mereka, bahkan mereka (para rasul) AS menerima pertentangan yang keras daripada umatnya sendiri, dan tidaklah mereka berdiri teguh tetap (dengan jalan ini) melainkan kerana mereka adalah orang yang berdiri di atas jalan yang sebenar, orang-orang yang telah disibukkan dengan kenikmatan reda Allah SWT (sehinggakan mereka terlepas) daripada mengagungkan sesuatu yang menyampaikannya kepada tujuan dan cita-citanya.

---

<sup>14</sup> *Tawātur*: adalah sebuah kabar berita yang diriwayatkan oleh sekumpulan manusia yang tidak akan bersepakat untuk menipu dalam menyampaikan kabar tersebut. Ia pada dasarnya dihasilkan daripada melihat atau mendengar dan ia tidaklah merupakan sebuah hasil ijtihad. Lihat: Abū al-Ma‘ālī al-Juwaynī, *al-Waraqāt* (Kaherah: Dār Ibn ‘Umar, 1424H/2004M), 29.

Benar-benar telah sabit secara *tawātur* apa yang ditimpa oleh mereka AS seperti disakiti oleh makhluk sebab dakwah mereka kepada Allah SWT sehingga ada di kalangan makhluk ini yang berani (melakukan itu) ke atas sebaik-baik makhluk dan semulia-mulianya di sisi Allah SWT iaitu Nabi kita, dan Tuan kita: Muhammad SAW, maka mereka menyiksa baginda dan memberi tekanan kepada baginda dan memerangi baginda sehingga terpatahnya gigi kacip kedua Rasulullah SAW dan mereka telah melukai sebaik-baik wajah Rasulullah SAW yang lagi tinggi dan mulia itu, dan mereka terhalang disebabkan kecelekaan mereka itu untuk melihat kebaikan-kebaikan tadi yang terbuka dari paling kecil sekalipun, yang dapat menusuk ke dalam fiikiran dan mengugat jiwa pada apa yang ia lihat dari keajaiban yang menarik-carik adat, di tangan makhluk yang segak dan berakhlak yang mulia ini.

Bagaimana mungkin berjaya kaum yang mencalarkan wajah Nabi mereka yang mengasih mereka dan sesungguhnya mereka telah dikurniakan dengan cahaya raut muka baginda dan keindahan purnama wajah baginda secara terus kepada mereka dengan zat yang lagi suci dan luhur itu agar mengeluarkan mereka daripada cengakaman api neraka. (Nabi Muhammad SAW) tetap berusaha untuk menyelamatkan mereka darinya walau dengan pedang sekalipun, selagi belum sirna kesempatan itu dengan tibanya waktu menuju ke neraka.

Maka ini semua menunjukkan secara jelas bahawasanya para rasul AS itu benar pada segala apa yang dibawanya dari Allah SWT, dan dilihat pada bukti kehidupannya sahaja sudah cukup menafikan kemungkinan terjadi penipuan secara pasti. Bagaimana tidak? Allah SWT telah membantunya dengan mendatangkan mukjizat yang pasti menolak keterkaitannya dengan tipu daya sihir dan bukan juga melalui kajian doktor dan selainnya seperti menghidupkan orang mati, membelah laut dengan tongkat dan lain-lainnya. Kalaulah mukjizat itu, adalah daripada benda yang dicapai dengan tipu daya sihir, maka mustahil secara adatnya mukjizat-mukjizat tersebut terjadi hanya pada para rasul AS dan tidak pada ahli-ahli bumi yang lain.

Dengan ini, benar-benar telah diketahui secara pasti bahawasanya mereka sangat jauh dari ilmu-ilmu ini (sihir), berserta ahli-ahli sihir dan sebab-sebabnya. ﴿ وَمَا كُنْتُمْ تَتْلُونَ مِنْ قَبْلِهِ مِنْ كِتَابٍ وَلَا تَخْطُهُ ﴾<sup>15</sup> (Dan engkau (wahai Muhammad) tidak pernah tabu membaca sesebuah kitab pun sebelum turunnya al-Quran ini, dan tidak pula tabu menulisnya dengan tangan kananmu; (kalaulah engkau dahulu pandai membaca dan menulis) tentulah ada alasan bagi orang-orang kafir yang menentangmu akan merasa ragu-ragu (tentang kebenaranmu)). Inilah yang diakui oleh mereka yang bersetuju dan yang menentang para rasul. Begitulah halnya, walaupun terdapat pada diri musuh dan golongan hasad dengki itu perkara yang menggesa mereka untuk mencari dan memburu (hal-hal yang buruk pada peribadi para rasul), namun secara adat mustahil terdapat perkara buruk yang dinisbahkan kepada para rasul ini melainkan hal itu akan diketahui dan golongan musuh tadi akan menyebut-nyebutnya dan menjadi masyhur perkara tersebut sehingga tidak samar lagi bagi seseorang pun.

Dan secara keseluruhannya, kebenaran para rasul AS itu diketahui secara pasti bagi semua yang menyetujuinya, dan kemaksuman mereka (para rasul AS) daripada segala bentuk penipuan itu adalah yang dimaklumi secara akal fikiran dengan dalil-dalil mukjizat. (Mereka juga maksum) daripada membuat maksiat besar dan perbuatan hina yang kecil secara ijmak. (Mereka juga maksum) dari segala dosa, maka sesungguhnya makhluk yang diutus kepada mereka para rasul adalah diperintahkan untuk mengikuti mereka (para rasul) dan Allah SWT tidak memerintahkan untuk menderhaka (para rasul AS tadi).

Sebaik-baik para rasul adalah Nabi kita, Penghulu kita, Tuan kita; Muhammad SAW yang Allah SWT mengutusnyanya kepada ahli bumi secara keseluruhan, dan memberinya bantuan mukjizat dengan tanpa ada batasan padanya. Mukjizat yang paling agung adalah al-Quran yang mukjizatnya dilihat oleh makhluk sehingga kini.

---

<sup>15</sup> al-ʿAnkabūt: 48.

Maka wajiblah membenarkan (*tasdīq*) Nabi Muhammad SAW pada segala apa yang didatangkannya daripada Allah SWT seperti kebangkitan zat jasad ini bukan yang menyerupainya secara ijmak, dan sesamanya seperti soal di dalam kubur, nikmatnya dan azab kubur, titian sirat, mizan, *hawā*, memberi syafaat kepada pelaku maksiat yang mukmin untuk menyelamatkan mereka daripada api neraka selepas menerima ancaman bagi segolongan dari mereka secara ijmak, memberi nikmat yang abadi kepada orang mukmin dan azab yang abadi kepada orang kafir, dan mengetahui secara terperinci mengenai apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW itu seperti yang dijelaskan di dalam kitab-kitab para imam hadis dan fikah.

Adapun tujuan penulisan yang tergesa ini adalah hanya untuk menyebut apa yang dapat mengeluarkan seorang mukalaf daripada taklid dalam hal akidah, dan memahami penulisan ini secara cukup – kalau Allah SWT memudahkan urusan ini –, paling sempurna kecukupannya. Dialah Zat Yang Diminta pertolongan, dan Yang Dipohon untuk mengeluarkan kita dengan *faḍīlat*Nya daripada kegelapan kepada cahaya, dan moga Dia memuliakan kita dan memuliakan orang lain disebabkan diri kita dengan memberikan apa yang telah dijanjikan kepada kita dan kekasih-kekasih kita, dari kenikmatan di Syurga Firdaus tertinggi dengan kemuliaan mengetahuiNya beserta kelazatan melihatNya iaitu sebesar-besar kebahagiaan.

Selawat dan salam ke atas junjungan Penghulu kita dan Tuan kita; Muhammad SAW dengan sebanyak bilangan ingatnya orang-orang yang mengingatiNya dan sebanyak bilangan lupanya orang-orang yang lalai kepadaNya. Reda Allah SWT akan sahabat-sahabat Rasulullah SAW keseluruhannya, dan segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam.

**Tamat**